



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 Januari 2025  
13 Rejab 1446H**

| <b>Utusan Malaysia</b>   | •                                                                    |
|--------------------------|----------------------------------------------------------------------|
| <b>Berita Harian</b>     | • Orang ramai diminta waspada kehadiran ubur-ubur api                |
| <b>Harian Metro</b>      | •                                                                    |
| <b>Kosmo !</b>           | •                                                                    |
| <b>Sinar Harian</b>      | • Lindungi hasil laut negara daripada dirompak                       |
| <b>The Star</b>          | • Portuguese man o'war a menace in Marang                            |
| <b>New Straits Time</b>  | •                                                                    |
| <b>Nanyang Siang Pau</b> | •                                                                    |
| <b>Malaysia Gazette</b>  | •                                                                    |
| <b>The Sun</b>           | • Perikanan tangkapan catat pengeluaran 1.42 juta metrik tahun lepas |
| <b>Malaysiakini</b>      | •                                                                    |
| <b>Bernama</b>           | •                                                                    |
| <b>Borneo Post (KK)</b>  | •                                                                    |
| <b>Guan Ming Daily</b>   | •                                                                    |
| <b>Sabah Media</b>       | •                                                                    |

# JENIS AKHBAR

|                            |  |                   |         |                |         |                   |  |            |           |
|----------------------------|--|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA            |  | KOSMO !           |         | THE STAR       | /       | NANYANG SIANG PAU |  | MUKA SURAT | TARIKH    |
| BERITA HARIAN              |  | SINAR HARIAN      |         | THE SUN        |         | ORIENTAL DAILY    |  |            |           |
| HARIAN METRO               |  | NEW STRAITS TIMES |         | THE MALAY MAIL |         | PELBAGAI          |  |            |           |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF |  |                   | NEGATIF |                | NEUTRAL | /                 |  | 11         | 13-1-2025 |

## Portuguese man o' war a menace in Marang

**MARANG:** The public has been advised to be wary of the presence of hundreds of venomous Portuguese man o' war, which washed ashore at Pantai Rhu Muda here.

The species superficially resembles a jellyfish, but is actually a siphonophore, an animal made up of a colony of organisms working together.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Faculty of Science and Marine Environment senior lecturer Assoc Prof Dr Roswati Md Amin said the species, classified under the marine hydrozoan group, is easily identified by its translucent bluish-purple or pink tinge.

The Plankton Ecophysiology expert said the species has venomous stinging cells in their tentacles, which serve to capture prey and as a defence mechanism.

As such, she advised the public not to touch the poisonous marine creatures, including those that are dead, as they can pose serious risks.

"This species is commonly found in the Pacific, Indian and Atlantic Oceans.

"However, last November, we found this species on the beach near UMT in Kuala Nerus.

**Stinging presence:**  
Portuguese man o' war  
littering Pantai Rhu Muda  
in Terengganu. — Bernama



"These colonial creatures can't swim. They move using their float-like polyps, which measure between 2cm and 10cm to navigate.

"They also move according to ocean currents and wind.

"Research shows that the strength and direction of wind

influence their presence on shorelines.

"The strong northeast monsoon season winds are among factors causing them to wash ashore," she told Bernama.

As such, Roswati urged authorities to monitor the presence of these marine creatures in beach

areas frequented by visitors.

This ensures public safety, especially that of children who are easily excited by the discovery of these unique marine species.

"I also advise fishermen to be more careful because these creatures can easily get caught in fishing nets," she said.

| JENIS AKHBAR              |   |                   |         |                |         |                   | MUKA SURAT | TARIKH  |
|---------------------------|---|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|------------|---------|
| UTUSAN MALAYSIA           |   | KOSMO !           |         | THE STAR       |         | NANYANG SIANG PAU |            |         |
| BERITA HARIAN             | / | SINAR HARIAN      |         | THE SUN        |         | ORIENTAL DAILY    |            |         |
| HARIAN METRO              |   | NEW STRAITS TIMES |         | THE MALAY MAIL |         | PELBAGAI          |            |         |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF |   |                   | NEGATIF |                | NEUTRAL | /                 | 18         | 13-1-25 |

## Orang ramai diminta waspada kehadiran ubur-ubur api

**Marang:** Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati kehadiran ratusan ubur-ubur api atau *Portuguese Man of War* yang kini terdampar di Pantai Rhu Muda, di sini.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Roswati Md Amin, berkata spesies yang diklasifikasikan di bawah kumpulan 'hydrozoan' marin itu mudah dikenali dengan warna kebiruan lutsinar.


Pakar bidang Plankton Ekofisiologi itu berkata, hidupan berkenaan mempunyai sel penyengat berbisa yang terletak di bahagian tentakel, berfungsi untuk menangkap mangsa sebagai mekanisme pertahanannya.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak menyentuh hidupan beracun itu termasuk yang sudah mati kerana boleh memberi kesan berbahaya.

"Kewujudan hidupan ini banyak direkodkan di lautan Pa-

Mohd Kamaruzaman menunjukkan ubur-ubur api yang terdampar di pantai Kampung Rhu Muda. (Foto BERNAMA)

gth jms 1/3



sifik, India dan Atlantik.

Bagaimanapun, pada November tahun lalu, kita dapati spesies ini ada naik di pantai sekitar UMT di Kuala Nerus.

"Hidupan bersifat koloni ini tidak boleh berenang dan bergerak menggunakan polip pelampung yang bersaiz antara dua hingga 10 sentimeter di bahagian atas yang berfungsi untuk pergerakan atau menangkap makanan.

"Spesies itu juga bergerak mengikut pergerakan arus dan tiupan angin. Kajian menunjukkan kekuatan dan arah tiupan angin mempengaruhi damparan hidupan ini di pesisir pantai. Angin kuat musim Monsun Timur Laut (MTL) ketika ini antara penyebab damparan hidupan itu," katanya.

Sehubungan itu, Roswati menyarankan agar pihak berkuasa memantau kehadiran hidupan ini di lokasi pantai yang menjadi tumpuan pengunjung untuk memastikan keselamatan orang ramai terutama kanak-kanak

yang mudah teruja dengan penemuan hidupan laut yang unik.

"Saya juga nasihatkan nelayan supaya lebih berhati-hati kerana ubur-ubur ini mudah tersangkut pada pukat," katanya.

Sementara itu, penduduk di Kampung Baru Rhu Muda, Mohd Kamaruzaman Sulong, 48, berkata dia menyedari kehadiran hidupan itu pada malam kelmarin, ketika berada di dapur rumahnya.

Kedudukan rumahnya yang sangat dekat dengan pantai membolehkan dia melihat dengan jelas ratusan hidupan berkenaan terapung-apung di laut.

"Ini kali pertama saya lihat ubur-ubur itu di Pantai Rhu Muda. Tetapi saya kenal dan tahu kewujudan ubur-ubur ini kerana pernah jumpa ketika menangkap ikan di laut.

"Semalam (kelmarin) ombak kuat dan air pasang, mungkin itu punca hidupan ini naik ke Pantai Rhu Muda," katanya.

BERNAMA

# JENIS AKHBAR

|                            |  |                   |         |                |         |                   |  |            |           |
|----------------------------|--|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA            |  | KOSMO !           |         | THE STAR       |         | NANYANG SIANG PAU |  | MUKA SURAT | TARIKH    |
| BERITA HARIAN              |  | SINAR HARIAN      | /       | THE SUN        |         | ORIENTAL DAILY    |  |            |           |
| HARIAN METRO               |  | NEW STRAITS TIMES |         | THE MALAY MAIL |         | PELBAGAI          |  |            |           |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF |  | /                 | NEGATIF |                | NEUTRAL |                   |  | 13         | 13-1-2025 |

## Lindungi hasil laut negara daripada dirompak

SHIMS13

**C**ubaan warga asing memasuki perairan negara perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan kerana ia bukan sahaja memberi ancaman terhadap

keselamatan tetapi dibimbangi menjejaskan sumber marin yang seterusnya memberi kesan kepada nelayan tempatan.

Ikuti temubual wartawan *Sinar*

*Harian*, **SAIFULLAH AHMAD** bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pangkor, Norhaslinda Zakaria mengenai kebimbangan mengenai isu tersebut.

**SINAR HARIAN:** Selepas memasuki tahun ketiga sebagai ADUN, apakah pembaharuan yang berjaya dibawa ke kawasan dan perancangan yang akan dilaksanakan di Pangkor?

**NORHASLINDA:** Antara perkara yang berjaya saya laksanakan termasuklah menyelesaikan masalah ketiadaan air bersih di Kampung Kedah, Teluk Senangin sejak awal kampung tersebut wujud. Di kampung tersebut ada 15 buah rumah, sebuah sekolah agama pondok yang mana mereka selama ini hanya bergantung kepada air perigi. Alhamdulillah, setelah saya perjuangkan sejak menjadi ADUN, tahun lalu mereka akhirnya menerima bekalan air bersih.

Selain itu juga, beberapa bantuan lain turut kita usahakan seperti baik pulih rumah, pemberian bantuan persekolahan, bantuan untuk anak-anak ke universiti dan banyak lagi. Cuma dari segi jumlah bantuan itu tidaklah banyak. Program bantuan serta sumbangan ini kita buat bersama-sama beberapa NGO (pertubuhan bukan kerajaan) serta infak daripada pelbagai pihak. Kalau program berkongsi rezeki, yang terbaharu kita buat pemberian cermin mata percuma kepada warga emas, ibu tunggal, anggota Rela (Jabatan Sukarelawan Malaysia) dan golongan B40. Kita juga pernah menaja anak-anak nelayan di Teluk Olanji untuk belajar sialat dan terbaharu kita taja mereka belajar memanah.

Dari segi perancangan akan datang pula, ada beberapa program yang saya sedang fikirkan terutama dari segi pelancongan kerana kebetulan saya ada

latar belakang kerja dalam sektor pelancongan. Sebagai contoh di Pekan Lumut atau Pulau Pangkor, saya mahu kawasan ini ada satu mercu tanda seperti Pulau Langkawi yang ada replika helang besar. Orang datang ke DUN Pangkor ini sebab kita ada ikan bilis mata biru yang cukup popular dan istimewa. Begitu juga dengan fasiliti pelancongan uzur yang perlu diberikan perhatian untuk dinaik taraf dengan kemudahan lebih baik.

**AGENDA YB**

Baru-baru ini di Pulau Langkawi, pihak berkuasa berdepan cubaan memasuki warga asing ke dalam negara melalui perairan negara malah Pulau Pangkor juga berdepan masalah sama. Pada pandangan YB bagaimana memastikan warga asing secara haram melalui perairan negara ini boleh ditangani?

Aspek kawalan keselamatan perairan negeri Perak khususnya di Pulau Pangkor adalah di bawah kawalan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) dan Pasukan Polis Marin. Kedua-dua pasukan ini berpangkalan di Kampung Acheh, Sitiawan.

Saya yakin pihak berkuasa menegakkan penguatkuasaan di kawasan perairan kita. Malah, berdasarkan laporan media juga APMM Perak dan Polis Marin banyak menerima kejayaan mengekang pencerobohan vesel-vesel asing ke perairan kita.

Saya juga difahamkan pihak Maritim mempunyai radar Stesen Pengawasan Maritim Laut Lumut (SWASLA) untuk mengesan sebarang pergerakan bot men-

### PROFIL

**Nama:** Norhaslinda Zakaria  
**Umur:** 50 tahun  
**Asal:** Kampar, Perak  
**Status:** Berkahwin  
**Pendidikan tertinggi:** Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)  
**Jawatan:**  
• ADUN Pangkor  
• Exco Srikandi Bersatu Malaysia

curigakan. Justeru, saya percaya pihak Maritim dapat bertindak mengesan dan mengekang cubaan menceroboh perairan negeri khususnya di Pulau Pangkor.

Pada masa sama, penduduk tempatan sendiri perlu sama-sama memainkan peranan sebagai mata dan telinga pihak berkuasa.

**Sejauh mana isu penguasaan warga asing dalam sektor perikanan perlu dibendung bagi memastikan nelayan tempatan tidak terancam?**

Sebagai daerah perikanan sudah semestinya sebarang pencerobohan nelayan asing di perairan Pulau Pangkor adalah isu serius. Pulau Pangkor sebagai salah satu destinasi pelancongan popular di Perak dikenali kerana produk hasil laut terutama ikan bilis.

Secara terperinci saya tidak mempunyai data tentang pencerobohan nelayan asing di Pulau Pangkor, namun penguasaan warga asing dalam sektor perikanan perlu dibendung bagi melindungi kepentingan nelayan tempatan.

Sudah semestinya kita perlu menjaga

sumber perikanan negara dan memastikan kelestarian ekonomi serta ekosistem marin. Malah, Perak merupakan pengeluar marin terbesar di Malaysia.

Tindakan tegas dan kerjasama menyeluruh antara pihak berkuasa, nelayan dan masyarakat amat diperlukan untuk menangani isu ini dengan berkesan.

Kehadiran warga asing tanpa kawalan boleh membawa kepada eksploitasi sumber perikanan secara berlebihan, menyebabkan kehabisan stok ikan dan mengganggu ekosistem marin.

Hasil tangkapan ikan yang sepatutnya menyumbang kepada ekonomi tempatan mungkin dieksport atau dimanipulasi oleh warga asing sehingga menyebabkan kerugian kepada negara.

**Bagaimana sektor perikanan khususnya laut dapat dipertingkatkan?**

Sektor perikanan khususnya hasil laut boleh ditingkatkan melalui pengembangan pasaran dan industri hiliran.

Produk hiliran seperti makanan laut kering, makanan siap dimakan atau baja organik daripada sisa ikan contohnya. Memang telah ada produk hiliran perikanan, justeru kajian ekonomi perlu dilakukan untuk meneroka peluang pemasaran baharu.

Ini termasuk mempromosikan produk perikanan tempatan ke peringkat antarabangsa melalui pensijilan halal, standard kualiti dan penjenamaan.

Langkah lain ialah menggalakkan kegiatan ekopelancongan. Perkaranya ini telah saya sentuh ketika sesi perbincangan Sidang DUN lalu sebagai salah satu agenda memajukan pelancongan di Lumut.

Sebagai daerah nelayan, kita sepatutnya memanfaatkan kawasan perikanan untuk ekopelancongan seperti lawatan ke ladang ternakan ikan atau pengalaman menangkap ikan.

Seterusnya ialah aktiviti akuakultur marin dengan memperluaskan aktiviti penternakan ikan laut untuk menambah sumber pendapatan nelayan.



Norhaslinda (tengah) bersama kanak-kanak yang menerima bantuan persekolahan.

# Perikanan tangkapan catat pengeluaran 1.42 juta metrik tahun lepas



ALOR GAJAH: Subsektor perikanan tangkapan negara mencatatkan pengeluaran sebanyak 1.42 juta tan metrik dengan nilai keseluruhan RM12.8 bilion pada tahun lepas, kata Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain.

Beliau berkata pengeluaran dari perairan laut pantai menyumbang sebanyak 86.7 peratus iaitu 1.23 juta tan metrik manakala laut dalam sebanyak 13.3 peratus dengan jumlah tangkapan 189,000 tan metrik.

Adnan berkata sebanyak 49,173 vesel digunakan untuk menyokong aktiviti penangkapan melibatkan 112,344 nelayan termasuk 25,125 kru asing.

“Sumbangan besar hasil tangkapan kita adalah dari Zon A sebanyak 404,220 tan metrik diikuti Zon C (430,260 tan metrik) dan Zon B (318,080 tan metrik).

“Zon A melibatkan aktiviti perikanan sampan kecil iaitu dari kosong hingga lima batu nautika manakala Zon B melibatkan jarak hingga 12 batu nautika dan Zon C lebih 12 batu nautika iaitu melibatkan vesel komersial,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

# **Perikanan tangkapan catat pengeluaran 1.42 juta metrik tahun lepas**

Beliau berkata demikian selepas Karnival Pertanian Peringkat Parlimen Masjid Tanah 2025 yang dirasmikan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan turut dihadiri Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh.

Adnan berkata pada tahun hadapan, jabatan itu menyasarkan jumlah pengeluaran sektor perikanan negara meningkat kepada 1.5 juta tan metrik walaupun sumber perikanan negara terhad.

Beliau berkata sasaran berkenaan mampu dicapai sekiranya usaha dan program pemuliharaan sumber terus dijalankan secara mampan antaranya melabuhkan tukun di perairan umum, mengawal pelesenan perikanan dan pencerobohan.

Selain itu, katanya usaha mewujudkan kawasan perlindungan marin turut dilaksanakan dan sehingga kini, sebanyak 56 pulau di seluruh negara telah diwartakan sebagai Taman Laut.

“Peningkatan sumbangan ini kita jangkakan daripada aktiviti perikanan laut dalam khususnya di perairan Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Johor timur.

“Kita juga memberi tumpuan kepada pendaratan ikan tuna iaitu vesel kita dilesenkan menangkap ikan itu di Lautan Hindi,” katanya.

-The Sun-